

# INSANIAH akan dinaiktaraf universiti

**INSTITUT Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (INSANIAH) akan dinaikkan taraf menjadi Universiti Islam Kedah (UIK) tidak lama lagi.**

Kewujudan UIK ini adalah idea dan hasrat Kerajaan Negeri dan masih di dalam peringkat perancangan awal, kata Pengarah INSANIAH, Prof. Dr. Haji Marzuki Haji Mahmood.

INSANIAH yang telah memulakan pengajian pada tahun 1979 setakat ini telah melahirkan sejumlah 295 graduan dalam bidang Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab.

Sejak penubuhan INSANIAH telah menerima kemasukan seramai 750 penuntut dari seluruh Malaysia termasuk dari luar negara.

Menurut Prof. Dr. Haji Marzuki, penuntut dari luar negara termasuklah dari Selatan Thai-



**Prof. Dr. Haji Marzuki Haji Mahmood**

land (17), Singapura (7), Indonesia (4), Negara Brunei Darusalam (1) dan dari negeri Cina dua orang.

Penuntut INSANIAH yang datang dari negeri Cina adalah atas tajaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) yang

mendapat pendidikan awal di Kolej Sultan Zainal Abidin (Kusza).

INSANIAH sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang menjalankan program berkembar dengan Universiti Al-Azhar, Mesir dan milik penuh Kerajaan Negeri Kedah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kampus sementara INSANIAH terletak di Taman Wira Mergong dengan harapan di Daerah Yan yang kertas konsepnya telahpun mendapat kelulusan dari kabinet.

INSANIAH mengamalkan falsafah 'Berilmu Beramal Untuk Mengabdikan Diri Kepada Allah' mengamalkan sistem semester dengan para pelajar mengikuti pengajian secara kuliah, tutorial, perbincangan, ujian pertengahan semester atau kerja kursus dan peperiksaan akhir semester.

Untuk mendapat Ijazah Sar-

jana Muda tempoh pengajian adalah selama empat tahun atau lapan semester. Manakala peringkat Diploma selama dua setengah tahun iaitu selama enam semester.

Buat masa sekarang INSANIAH menawarkan Kulliyah Usuluddin, Kuliyyah Syariah, Kulliyah Bahasa Arab dan Kulliyah Pengurusan dengan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Al-Azhar dan Universiti Malaya.

INSANIAH menerima kemasukan para pelajar baru peringkat Diploma pada bulan Mei dan peringkat Ijazah Sarjana Muda pada bulan Ogos pada setiap tahun. Keterangan lanjut boleh menghubungi Pendaftar Insaniah (Hal Ehwal Pelajar) di alamat Taman Wira Mergong, Jalan Sultanah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman atau menerusi telefon 04-7320163.